

ABSTRAK

Di antara keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di dalam bahasa Arab sebagai bahasa wahyu ialah kaedah penyambungan dan pemisahan yang melibatkan dua ayat ataupun yang dikenali sebagai *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl*. Kajian ini sebenarnya lebih tertumpu di dalam bidang retorik Arab yang melibatkan *ilmu al-ma'ānī* yang merupakan satu dari tiga cabang retorik Arab itu sendiri. Bilakah penyambungan ayat-ayat itu perlu dilakukan dan bilakah pula ia mesti dipisahkan? Seterusnya, mengapakah kaedah penyambungan antara ayat-ayat dalam topik ini hanyalah melibatkan satu sahaja huruf 'aṭaf iaitu *Al-Wāw* tidak huruf-huruf 'aṭaf yang lain.

Menerusi kajian ini, penulis berusaha memperjelaskan definisi *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* itu sendiri, kajian-kajian para ilmuan terhadap penggunaannya dahulu dan sekarang, perkara-perkara asas yang membantu memahami topik kajian ini dan sebagainya. Di samping itu, penulis juga turut menerangkan keadaan ayat dalam bahasa Arab yang terbahagi kepada dua dan ayat-ayat yang dikategorikan sebagai ayat *ḥāl* dalam bahasa Arab.

ABSTRACT

As a chosen language for language of revelation , Arabic language has its own distinctive features that are not found in other languages . Among them include the method of connecting and separating between two verses or more or particularly called in Arabic as *Al-Faṣl* and *Al-Waṣl* . This study concerns rhetoric in Arabic which involves *ilmu al-ma'ānī* that forms one of three areas of Arabic rhetoric . When must connecting of verses be necessary and when must they be separated ? Furthermore , why is the method of connecting between verses in this topic involves only one *huruf 'aṭaf* that is *Al-Wāw* and not other *hurufs*.

Through this study , the writer explains the definitions of *Al-Faṣl* and *Al-Waṣl* , the studies of scholars regarding their use in the past and present , basic foundations that help in understanding this topic of study and other matters . Besides , the writer also explains the contextual meanings of the verses in Arabic language that are divided into two and other sentences that are categorized as sentence of *ḥāl* in Arabic language .